


## **Nama Projek:**

### **AMDI NEWSLETTER**


AMDI Newsletter atau *in-house journal* atau majalah organisasi ini dibangunkan secara atas talian telah menjadi salah satu platform elektronik yang kreatif dan inovatif untuk menyampaikan maklumat dan aktiviti Institut Perubatan dan Pergigian Termaju, USM kepada warganya atau pun kepada pihak luar. AMDI newsletter mengandungi pelbagai maklumat yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan. Perkongsian maklumat terkini kami kepada masyarakat adalah merangkumi penemuan saintifik, kejayaan dan pencapaian institusi, aktiviti bersama komuniti, artikel daripada pakar perubatan dan kesihatan dan lain-lain.

Ciri-ciri perkongsian maklumat dan berita melalui media sosial diterapkan dan diberi perhatian khusus dalam pembangunan AMDI Newsletter. Setiap paparan berita, artikel dan video di dalam AMDI Newsletter merangkumi 7 ruangan iaitu *Publication; Achievement; Announcement; Expert Column; Expert Contribution, Community dan Collaboration*. Terdapat pelbagai pautan yang mengandungi pelbagai maklumat menarik dalam bentuk teks, grafik dan video disediakan. Ciri-ciri berita itu sendiri memberi tarikan kepada pengguna untuk lebih mudah berkongsi maklumat dengan rakan mereka melalui media sosial seperti WhatsApp, Twitter, Facebook agar penyebaran maklumat akan lebih meluas kerana ia mudah, cepat, menjimatkan kos, fleksibel dan mudah diakses.

Di bawah ialah tangkapan skrin untuk menggambarkan AMDI Newsletter.



Gambar 1: Portal AMDI Newsletter <https://news.amdi.usm.my/>



Gambar 2: Kepelbagaian Pautan interaktif di dalam AMDI Newsletter

KESIHATAN PERGIGIAN SEDUNIA 2022 sukacita dimaklumkan bahawa Perkhidmatan Pergigian, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), Universiti Sains Malaysia (USM) akan mengadakan sambutan "Minggu ...

PHOTO BY IPPT 24 MARCH 2022 / BY MAHIRAH BINTI MAHYIDIN

[More Announcement >](#)

**Achievement**

**Sekalung Tahniah Penerima Anugerah Sanggar Sanjung - Kategori Penerbitan Jurnal**

USM, March 28 2022 - Assalamualaikum dan Salam Sejahtera, Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada Dr. Teoh Soo Huat penerima Anugerah Sanggar Sanjung 2020 (MASS 2020) dalam Kategori Penerbitan Jurnal. Tahniah dan syabas diucapkan. ...

PHOTO BY IPPT 28 MARCH 2022 / BY TEOH SOO HUAT

**Tahniah Kepada Pakar ENT IPPT Dr. Muhamad Yusri Musa Memacu Kecemerlangan**

BERTAM, March 31 2022 - Rawatan HyBIRT elak pematongan lidah. Kaedah rawatan brakiterapi merupakan salah satu kaedah alternatif untuk merawat kanser lidah. Di Malaysia, gabungan pakar di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju telah memperkenalkan satu teknik brakiterapi ...

PHOTO BY UTUSAN MALAYSIA 31 MARCH 2022 / BY MAHIRAH BINTI MAHYIDIN

[More Achievement >](#)

**Collaboration**

**IPPT USM Dan MYPOPI Berkolaborasi Di Bengkel Latihan SCIG**

BERTAM, March 7 2022 - Unit Immunodefisiensi Primer, Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM) telah menjalankan satu bengkel latihan "Subcutaneous Immunoglobulin (SCIG) Replacement Therapy" kolaborasi bersama Persatuan Pesakit Immunodefisiensi Primer. ...

**Citation Indexed Journal**


Total 22

IPPT 6  
PT 10/20

**By Category**

- Publication**  
RECENT HIGH IMPACT
- Announcement**  
A NOTICE FOR ANNOUNCING
- Achievement**  
A NOTICE FOR ANNOUNCING
- Expert Contribution**  
THE BENEFIT OF OTHERS
- Collaboration**  
WORKING WITH OTHERS
- Community**  
COMMUNITY SERVICE
- Expert Column**  
ARTICLES

Gambar 3: AMDI Newsletter merangkumi 7 ruangan iaitu *Publication; Achievement; Announcement; Expert Column; Expert Contribution, Community dan Collaboration*



Gambar 4: Perkongsian berita/news melalui media sosial platform – WhatsApp (mobile), Twitter, Facebook